

Tawaran ini adalah dipelawa daripada kalangan syarikat-syarikat yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB)** atau/dan berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di dalam bidang seperti di bawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan **Perkhidmatan/Kerja** seperti berikut :-

BUTIR BUTIR TAWARAN	TARIKH DAN MASA TAWARAN DITUTUP
<p>No. Tawaran: UiTM/C1/PER/SHR/F/0625/0002</p> <p>PERKHIDMATAN PELUPUSAN SISA PEPEJAL DAN KERJA - KERJA BERKAITAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG, KAMPUS JENGKA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN</p> <p>Kod Bidang (Wajib) : 221003</p> <p>Kod Bidang (Pilihan) :</p>	<p>31 Julai 2025 (Khamis) jam 12:00 petang</p>

1. Tawaran ini dibuat secara atas talian (online) melalui laman web FinEProcurement Plus Universiti (<https://myeppplus.uitm.edu.my/>) **mulai 03/07/2025**.
2. Syarikat yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat pada **10 Julai 2025 (Khamis) jam 10:00 pagi**, di **Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Fasiliti, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka** DAN lawatan tapak pada **10 Julai 2025 (Khamis) jam 10:00 pagi**, di **Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Fasiliti, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka**. Hanya Petender / Penyebut Harga yang menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak sahaja yang dibenarkan menyertai tawaran ini. Kontraktor yang **TIBA LEWAT** dari masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat / Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut :
 - I. Tidak dibenarkan menyertai Taklimat / Lawatan Tapak
 - II. Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
 - III. Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Tender / Sebut Harga yang dibuka ini dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan
3. **Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak tender / sebut harga. Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama di dalam sijil yang dinyatakan.** (rujuk kelayakkan tawaran yang berkaitan)
4. Petender / Penyebut Harga dikehendaki membawa SALINAN Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Sijil Bumiputera (jika ada) semasa menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak. (rujuk kelayakkan tawaran yang berkaitan)
5. Tawaran yang lengkap hendaklah dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem FinEProcurement Plus pada atau sebelum **31 Julai 2025 (Khamis) jam 12:00 petang**. Tawaran yang tidak dikunci masuk (key-in) sebelum waktu tutup tawaran **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
6. Dokumen sokongan secara manual hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke Peti Tender / Sebut Harga di PETI SEBUT HARGA UNIT PEROLEHAN JABATAN BENDAHARI UiTM CAWANGAN PAHANG KAMPUS JENGKA 26400 BANDAR TUN ABDUL RAZAK JENGKA PAHANG DARUL MAKMUR seperti tarikh dan masa dinyatakan. Nombor ID hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di bahagian atas sebelah kiri sampul tersebut.
7. Syarikat yang berminat hendaklah berdaftar di sistem FinEProcurement Plus dan bayaran sebanyak RM400.00 akan dikenakan bagi tempoh pendaftaran selama dua (2) tahun. Bayaran boleh dibuat

menggunakan Wang Tunai/ Deraf Bank atas nama BENDAHARI UiTM.